

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR(sebenar)**

BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUM BALASAN JABATAN / AGENSI
A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19			
1	(15) YB Tanjong Karang (MP)	Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama untuk sediakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Selangor.	Pihak Majlis bersetuju membantu dan menyediakan logistik tempat. Sehingga kini hanya PPV Stadium Tertutup di bawah MDKS. Pihak Majlis telah menyediakan tempat dan kemudahan kecuali utiliti elektrik dan air perlu ditanggung oleh Urusetia iaitu PDT dan PKD dibawah Kerajaan Negeri dan MOSTI dari segi Peruntukkan operasi. Sehingga kini di Kuala Selangor terdapat ada 2 PPV Mega lagi, iaitu PPV UiTM Puncak Alam dan PPV IPP Tg.Karang dan PPV Klinik Swasta sebanyak 4. Jab. Kesihatan dan Persekitaran

2	(17) YB Sungai Burong	- 80% telah mendaftar vaksin di Selangor, 796 ribu sahaja yang telah divaksin baki 80% belum divaksin. Adakah bilangan PPV di negeri Selangor adakah mampu menjalankan proses vaksinasi. - Rawatan COVID-19 – Hospital Tanjung Karang dijadikan PPV.	Pendaftaran untuk pertambahan Vaksinasi dan PPV diselaraskan oleh MOSTI, Kerajaan Negeri, PDT dan PKD. Pihak PBT hanya membantu logistik dan tempat Jab. Kesihatan dan Persekitaran
3	(18) YB Kuala Selangor (MP)	Isu vaksinasi. Memberikan rebate pengangkutan untuk rakyat ke pusat vaksinasi dan memberikan fokus kepada pekerja industri.	Pihak MDKS telah memastikan laluan bas Smart Selangor dipinda supaya sampai ke pusat pemberian vaksin di seluruh daerah. Jab. Perancangan Pembangunan

B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT

4	(6) YB Bukit Melawati	Mewujudkan inisiatif dan program khas menangani masalah kesihatan mental. Kes tekanan emosi dan bunuh diri telah meningkat sepanjang PKP. Kerajaan Negeri perlu wujudkan peruntukan khas dalam belanjawan akan datang untuk program <i>call centre</i> untuk terapi atau kaunseling dalam talian dan program ziarah jiran tetangga.	Bagi menangani masalah kesihatan mental, pihak Majlis akan menganjurkan Program Pengurusan Kesihatan Mental yang diadakan secara maya (on line) Peringkat Daerah Kuala Selangor yang akan dilaksanakan pada Bulan Ogos 2021. Jab. Pembangunan Masyarakat
5	(7) YB Kuala Selangor (MP)	Mengembleng semua sumber tenaga Jabatan Kerajaan dan pihak NGO (<i>all of society approach</i>) untuk membantu isu kesihatan mental seperti Befrienders.	Bagi membantu kerajaan dalam isu kesihatan mental, Jabatan Pembangunan Masyarakat akan bekerjasama dengan pihak NGO Setempat serta akan melibatkan juga Ahli Majlis, Agensi-agensi kerajaan serta Jawatankuasa Penduduk Kuala Selangor. Jab. Pembangunan Masyarakat

C. PENGURUSAN EKONOMI/ KEWANGAN			
6	(17) YB Sungai Burong	Wujud <i>task force</i> khas untuk pemulihan ekonomi di Negeri Selangor.	Pihak MDKS tiada <i>task force</i> khas untuk pemulihan ekonomi tetapi telah menjalankan perbincangan '<i>Think Tank</i>' untuk membincangkan hasil-hasil baru bagi MDKS Jab.Perbendaharaan
D. PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN			
7	(18) YB Bukit Melawati	Program untuk generasi muda dan sukan diteruskan melalui program naik taraf infra sukan,infra terbaik dan selamat, kaedah mencungkil bakat anak muda sebagai pelapis pemimpindengan mengadakan sesi debat melalui Persatuan Belia Selangor (PBS).	Pihak Majlis telah menganjurkan program sukan secara maya (E-Games) dan seminar berkaitan remaja. Jab. Pembangunan Masyarakat Pihak majlis akan membaiki fasiliti kemudahan sukan yang rosak dan akan membuat pemantauan dari masa ke semasa. Jab. Kejuruteraan
8	(20) YB Tanjong Karang (MP)	- Menyemak semula penyelenggaraan lampu di sekitar Tanjong Karang yang rosak.	Pembaikan lampu jalan milik majlis dilaksanakan secara berterusan jika terdapat sebarang aduan yg diterima.

		Rondaan oleh unit light gang juga ada dilaksanakan bagi semakan sendiri oleh pihak MDKS. Walaupun bil elektrik lampu jalan Bagi lokasi Tg Karang kebanyakan lampu adalah di bawah selenggaraan pihak TNB. Jab.Kejuruteraan Pihak Majlis telah membuat permohonan kepada pihak KPKT untuk mendapatkan peruntukkan bagi Cadangan pembangunan semula dan menaik taraf Dataran Astaka Tanjong Karang. Tindakan: Jab.Kejuruteraan Cadangan untuk mewartakan kawasan pantai sebagai kawasan rekreasi akan dimasukkan dalam kajian penggantian Rancangan Tempatan MDKS 2025 yang akan dijalankan kelak Jab.Perancangan Pembangunan
		- Menyemak semula pembangunan di dataran /dewan Tanjung Karang yang tertangguh untuk disegerakan pembangunan. - Kawasan tepi pantai kelulusan perlu diberikan bagi tujuan pemberian warta di bawahseliaan Jabatan Hutan untuk dijadikan kawasan rekreasi.

		- Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk pembaikan jalan bagi kawasan sawah padi selepas habis musim padi.	Jalan-jalan di kawasan sawah padi adalah di bawah seliaan IADA Barat Laut Jab. Perbendaharaan
9	(21) YB Permatang	- cadangan menaik taraf baikpulih luar bandar dari tanah merah kepada <i>crusher ran</i> menggunakan peruntukan MARRIS. - Menaiktaraf jaringan jalur lebar di kawasan kampung atau luar bandar.	Jalan-Jalan di kawasan luar bandar adalah di bawah seliaan dan penyelenggaraan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor. Jab.Kejuruteraan Perkhidmatan jalur lebar di Kawasan kampung dan luar bandar adalah bukan dibawah seliaan Majlis Daerah Kuala Selangor kerana ia adalah di bawah seliaan Telekom Malaysia atau syarikat telco yang berkaitan. Walaubagaimana pun, Wifi Smart Selangor adalah sebuah inisiatif Peduli Rakyat (IPR) oleh Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat selangor dan

			Mdks sebagai pbt yang memantau dan melaporkan segala kerosakan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk Tindakan selanjutnya. Unit Teknologi Maklumat
10	(23) YB Sungai Burong	Menambah baik jalur lebar internet di kawasan Sg Burong.	Perkhidmatan jalur lebar di Kawasan kampung dan luar bandar adalah bukan dibawah seliaan Majlis Daerah Kuala Selangor kerana ia adalah di bawah seliaan Telekom Malaysia atau syarikat telco yang berkaitan. Walaubagaimana pun, Wifi Smart Selangor adalah sebuah inisiatif Peduli Rakyat (IPR) oleh Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat selangor dan Mdks sebagai pbt yang memantau dan melaporkan segala kerosakan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk Tindakan selanjutnya. Unit Teknologi Maklumat

11	(24) YB Kuala Selangor (MP)	- Menaiktaraf infrastruktur seperti di Jalan Bukit Hijau yang runtuh dan kerosakan jalan dariJok ke Bestari Jaya yang rosak terutama di musim hujan. - Penyelenggaraan infra seperti lampu jalan dan penambahan lampu jalan di Simpang TigaJeram, Bukit kerayong dan Bukit Kuching.	Jalan tersebut dibawah tanggungjawab pihak JKR dan pihak JKR akan membaiki jalan tersebut. Jab.Kejuruteraan Jalan tersebut dibawah tanggungjawab pihak JKR dan pihak JKR akan membaiki lampu jalan tersebut. Jab.Kejuruteraan
E. PENGURUSAN KELANGSUNGAN PROGRAM PEMBELAJARAN			
12	(5) YB Bukit Melawati	Pendidikan kemahiran teknikal – TVET untuk bantu belia/anak muda bagi membantu tahap kebolehan pasaran pelajar India khususnya program IKTISAS yang perlu dikaji dan tambah baik atau diteruskan modul-modul sedia ada. Contohnya media kreatif, teknologi maklumat.	Jabatan ini Bersama dengan ahli majlis India mengajurkan program berasaskan kemahiran seperti menjahit dan kemahiran lain melalui program dibawah Pusat Wanita Berdaya mengikut Kawasan masing-masing. Jab. Pembangunan Masyarakat

13	(6) YB Ijok	Perancangan untuk anak-anak muda yang sedang belajar untuk menghadapi situasi pandemik masa kini.	Jabatan ini akan menganjurkan program motivasi usahawan muda peringkat Daerah Kuala Selangor . Jab. Pembangunan Masyarakat,
14	(8) YB Kuala Selangor (MP)	Pendidikan TVET kepada anak-anak muda, penganguran dapat ditangani dgn lebih baik, skim yang lebih baik, khusus di luar bandar, lebih libatkan dalam kreatif dan ketrampilan.	Tidak Berkaitan
F. MENINGKATKAN KEUPAYAAN PETANI DAN NELAYAN			
15	(1) YB Permatang	- Mohon naiktaraf harga padi daripada 1,520 hektar kepada 1,350 hektar. - Inisiatif RM50 perlu diberikan kepada Kerajaan Negeri. - Kawal harga input pertanian baja. - Tingkatkan kualiti benih hantar pada masa sesuai agar tiada pembaziran iaitupenghantaran pada masa hendak digunakan. - Racun serangga disalurkan kepada pesawah mengikut kesesuaian semasa.	Tidak Berkaitan

H. PENGURUSAN PEMBAYARAN CUKAI

16	(6) YB Tanjong Karang (MP)	Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu tafsiran.	Tiada peruntukan di dalam akta yang membolehkan pengurangan atau pengecualian cukai taksiran diberikan melainkan pegangan tersebut tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 134, Seksyen 135 dan Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan. Walaubagaimanapun, Majlis boleh mempertimbangkan pemberian melalui insentif pengecualian / pengurangan denda lewat atau bayaran secara ansuran merujuk kepada dasar sediaada. Jab. Penilaian dan Pengurusan
----	----------------------------	---	---

I. MERINGANKAN BEBANAN RAKYAT



17	(24) YB Bukit Melawati	- Bantuan bencana kepada petani, penternak dan nelayan dalam aspek pengurusan bencana.	Sepanjang tahun 2020 sebanyak 40 operasi melibatkan bantuan tenaga kerja dan logistik telah dilaksanakan. Tugas adalah pembersihan akibat bencana alam seperti banjir, pokok tumbang dan ribut. Bantuan diberikan di seluruh kawasan
----	------------------------	--	--

		dalam Daerah Kuala Selangor melibatkan kawasan kampung dan komersial. Skuad PANTAS Pihak Majlis tiada bantuan khusus untuk petani, penternak dan nelayan tetapi ada menyediakan Tabung Khas Bencana buat penduduk di dalam daerah Kuala Selangor. Jab. Perbendaraan Tidak Berkaitan Tidak Berkaitan
	- Program KISS wajar diteruskan, mohon penelitian semula SOP atau pun dasar program ini untuk ditambahbaik dan diperluas. - Mengkaji semula <i>blue print</i> bantuan Kerajaan Prihatin bagi membasmi kemiskinan kerana SOP sedia ada mengambil masa sehingga 7 ke 8 bulan dan jawatankuasanya bersidang 2 kali setahun.	
	- Sewaan kedai boleh diberi pengecualian kepada peniaga.	Mesyuarat Majlis Bil 7/2021 yang bersidang pada 28 Jun 2021 telah bersetuju mempertimbangkan pengecualian 100% sewa ke

			atas premis yang tidak boleh beroperasi dan pengurangan 30% sewa bagi kedai / gerai makanan dan kilang memproses makanan serta pengecualian denda lewat. Walaubagaimanapun, pertimbangan ini akan tertakluk kepada arahan yang akan dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa. Tindakan: Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta Pihak Majlis telah melaksanakan program bantuan kepada Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan Tindakan: Unit Pelancongan
18	(25) YB Ijok	- Bantuan kepada sektor pelancongan.	
		- Perusahaan Kecil yang terjejas merangkumi B40 dan M40. - Perancangan masa panjang bagi membantu orang yang hilang pekerjaan. - Bantuan makanan adalah dalam jangka pendek.	Rancangan Jangka Panjang: • Memastikan zon pembangunan di perluaskan bagi menambah kawasan

			industri dan perniagaan melalui Rancangan Tempatan yang akan diwartakan; • Memastikan setiap pemajuan menyediakan tapak penjaja/gerai yang teratur dan khusus. Jab. Perancangan Pembangunan
19	(26) YB Tanjong Karang (MP)	- Moratorium – menilai untuk diberi untuk cukai pintu tafsiran. - Peluang pekerjaan di Selangor – Kerajaan Negeri menyediakan mana-mana skim yang membantu rakyat yang telah diberhentikan kerja akibat Covid-19.	Tiada peruntukan di dalam akta yang membolehkan pengurangan atau pengecualian cukai taksiran diberikan melainkan pegangan tersebut tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 134, Seksyen 135 dan Seksyen 162 Akta Kerajaan Tempatan. Walaubagaimanapun, Majlis boleh mempertimbangkan pemberian melalui insentif pengecualian / pengurangan denda lewat atau bayaran secara ansuran merujuk kepada dasar sediaada. Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta

20	(27) YB Permatang	- Dana Usahawan Mikro Selangor. - Bantuan kepada petani.	Pihak Majlis mengambil maklum perkara ini. Pegawai Perhubungan Usahawan Majlis Daerah Kuala Selangor akan membawa ke pengetahuan Jawatanluasa Pembangunan Usahawan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, pihak Majlis tidak menyediakan Dana Usahawan Mikro Selangor tetapi hanya menganjurkan program seminar usahawan dengan menyediakan penceramah yang terdiri daripada Agensi Mikro seperti TEKUN, Lembaga Zakat Selangor dan sebagainya. Jab. Pelesenan dan Jab. Pembangunan Masyarakat
21	(28) YB Sungai Burong	- Cadangan moratorium dan pinjaman tanpa faedah. - Tubuhkan tabung khas petani untuk selaraskan masalah petani.	Tidak Berkaitan

22	(29) YB Kuala Selangor (MP)	- Mohon bantuan pinjaman atau moratorium diberikan kepada peniaga untuk memulakan perniagaan. - Bantuan <i>one off</i> kepada nelayan.	Pihak Majlis ambil maklum perkara ini. Pegawai Perhubungan Usahawan Majlis Daerah Kuala Selangor akan membawa ke pengetahuan Jawatanluasa Pembangunan Usahawan Negeri Selangor. Jab. Pelesenan Tidak Berkaitan
PENGESAHAN			
Disediakan oleh;  SYAWAL BIN SAMIN Pengerah Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Kuala Selangor Tarikh: 16/7/21		Disemak oleh;  TPt HAJI MOHAMAD YUSLI BIN ASKANDAR PPD, Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor Tarikh: 16/7/2021.	
		Disahkan oleh;  RAHILAH BINTI RAHMAT AMS, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor Tarikh: 16/7/2021	